



OVERSEA-CHINESE BANKING CORPORATION LIMITED DAN SYARIKAT-SYARIKAT SUBSIDIARINYA

(Diperbadankan di Singapura. Nombor Pendaftaran Syarikat: 193200032W)

**PETIKAN MAKLUMAT KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025**

MUSTAHAK

Maklumat kewangan yang terbentang di bawah ini merupakan petikan daripada penyata kewangan Oversea-Chinese Banking Corporation Limited (Bank) dan syarikat-syarikat subsidiarinya (Kumpulan) yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2025 (penyata kewangan). Ia tidak mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memberi pemahaman lengkap tentang keputusan dan kedudukan kewangan Bank dan Kumpulan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada set penyata kewangan teraudit yang lengkap, ini boleh didapati atas permintaan di pejabat berdaftar bank di 63 Chulia Street, #10-00 OCBC Centre East, Singapura 049514 atau di laman web Bank di www.ocbc.com. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan terjemahan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan dipakai.

Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Para Anggota Oversea-Chinese Banking Corporation Limited

Laporan mengenai Audit Penyata Kewangan

Pendapat Kami

Pada pendapat kami, penyata-penyata kewangan disatukan bagi Oversea-Chinese Banking Corporation Limited ("Bank") dan syarikat-syarikat subsidiarinya ("Kumpulan") dan kunci kira-kira, penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif dan penyata perubahan dalam ekuiti Bank telah dibentangkan dengan sempurna selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1967 ("Akta") dan Piawaian Pelaporan Kewangan di Singapura (Antarabangsa) ("SFRS(I)") untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kumpulan dan kedudukan kewangan Bank disatukan pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan disatukan, perubahan dalam ekuiti disatukan dan aliran tunai disatukan bagi Kumpulan dan prestasi kewangan serta perubahan ekuiti Bank bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut.

Apa Yang Kami Telah Audit

Penyata-penyata kewangan Bank dan Kumpulan terdiri daripada:

- penyata-penyata pendapatan Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025;
- penyata-penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Bank bagi tahun kewangan itu berakhir;
- Kunci kira-kira Kumpulan dan Bank bagi tahun berakhir 31 Disember 2025;
- penyata-penyata perubahan dalam ekuiti Kumpulan bagi tahun itu berakhir;
- penyata-penyata perubahan dalam ekuiti Bank bagi tahun itu berakhir;
- penyata-penyata aliran tunai Kumpulan disatukan bagi tahun itu berakhir; dan
- nota-nota bagi penyata-penyata kewangan, termasuk maklumat dasar perakaunan yang penting.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan Piawaian Mengaudit Singapura ("SSAs"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah diterangkan lebih lanjut dalam bahagian '*Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata-Penyata Kewangan*' dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberikan asas pendapat kami.

Kebebasan

Kami adalah bebas daripada Kumpulan selaras dengan keperluan Kod Tingkah Laku Profesional dan Etika untuk Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan ("Kod ACRA") oleh Penguasa Pengawasan Perakaunan dan Korporat ("ACRA") bersama dengan keperluan etika yang berkaitan dengan pengauditan penyata-penyata kewangan di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain selaras dengan keperluan ini dan Kod ACRA.

Pendekatan Audit Kami

Sebagai sebahagian daripada usaha perancangan audit kami, kami menetapkan kematerialan dan menilai risiko salah nyata material dalam penyata-penyata kewangan yang disertakan. Secara khusus, kami membuat pertimbangan di mana pihak pengurusan membuat pertimbangan secara subjektif, contohnya, berhubung anggaran perakaunan penting yang melibatkan membuat andaian dan mengambil kira peristiwa masa hadapan yang sememangnya tidak pasti. Seperti dalam semua audit kami, kami juga menangani risiko pemintasan kawalan dalaman oleh pihak pengurusan, termasuk antara perkara lain, mempertimbangkan sama ada terdapat bukti sikap berat sebelah yang menggambarkan risiko salah nyata material disebabkan penipuan.

Perkara-Perkara Audit Utama

Perkara-perkara audit utama, pada pertimbangan profesional kami, ialah perkara yang paling penting dalam audit kami ke atas penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. Perkara ini telah ditangani dalam konteks audit kami ke atas penyata kewangan secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami pada masa itu, dan kami tidak memberikan pendapat berasingan mengenai perkara ini.

Perkara-Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara-Perkara Audit Utama
<p>Kemerosotan nilai pinjaman kepada pelanggan (Rujuk Nota 2.21, 26, 27, 28 dan 30 penyata-penyata kewangan)</p> <p>Peruntukan Kumpulan bagi pinjaman kepada pelanggan adalah S\$4,428 juta pada 31 Disember 2025. Peruntukan ini ditetapkan oleh Kumpulan berdasarkan rangka Kerugian Kredit Dijangka (ECL) di bawah <i>Instrumen-Instrumen Kewangan SFRS(I) 9</i> ("SFRS(I) 9").</p> <p><i>ECL bagi pinjaman kredit tidak terjejas kepada pelanggan</i></p> <p>Berhubung ECL bagi pinjaman kredit tidak terjejas kepada pelanggan (S\$2,851 juta) Kumpulan menggunakan model-model yang bergantung pada data dalaman dan luaran serta sebilangan anggaran. Kami menganggap ini satu perkara audit utama disebabkan ketidakpastian anggaran yang sememangnya wujud dalam perkara ini yang melibatkan pertimbangan dan andaian penting, berkaitan antara lain.</p> <ul style="list-style-type: none"> menentukan sama ada terdapat peningkatan besar dalam risiko kredit ("SICR"); menganggar pelbagai senario makroekonomi yang berpandangan ke hadapan; dan mengenal pasti dan menentukan pelarasan pasca-model dan tindakan pengurusan untuk menjelaskan keterbatasan dalam model-model ECL. 	<p><i>ECL bagi pinjaman kredit tidak terjejas kepada pelanggan</i></p> <p>Kami telah menguji keberkesanan rekaan dan menilai keberkesanan operasi terhadap kawalan utama ke atas ECL bagi pinjaman kredit tidak terjejas kepada para pelanggan. Kawalan ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> semakan dan kelulusan bagi maklumat yang berpandangan ke hadapan yang digunakan dalam model ECL; penggunaan elemen-elemen data kritikal dipercayai dan tepat yang digunakan dalam model ECL; semakan dan kelulusan bagi hasil ECL, termasuk pelarasan pasca-model dan tindakan pengurusan yang digunakan; pengesahan bebas bagi model ECL dan semakan hasil pengesahan model oleh pihak pengurusan; dan kawalan teknologi maklumat ("IT") ke atas sistem ECL, serta kawalan penggunaan IT terhadap kelengkapan dan ketepatan aliran data daripada sistem sumber kepada sistem ECL. <p>Kami menentukan bahawa kami boleh percaya pada kawalan-kawalan ini bagi tujuan audit kami.</p> <p>Bagi sampel model-model ECL Kumpulan, kami memeriksa metodologi model dan menilai kewajaran pertimbangan dan andaian penting yang dibuat oleh pihak pengurusan dalam model dan parameter yang digunakan. Kami juga menyemak hasil pengesahan model bebas yang dijalankan oleh fungsi pengesahan model Kumpulan, sebagai sebahagian daripada penilaian kami terhadap model ECL.</p> <p>Kami juga menilai kewajaran kriteria yang digunakan dalam menentukan SICR dan ketepatan serta kekinian peruntukan pendedahan ke dalam Tahap 1 dan Tahap 2, berdasarkan kriteria kuantitatif dan kualitatif.</p> <p>Sepanjang menjalankan tugas kami, kami mencabar asas rasional dan pengiraan bagi pelarasan pos model dan tindakan pengurusan.</p> <p>Secara keseluruhan, kami menilai bahawa metodologi dan andaian penting yang dibuat oleh Kumpulan untuk menganggar ECL bagi pinjaman kredit tidak terjejas kepada para pelanggan, adalah wajar.</p>

Perkara-Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara-Perkara Audit Utama
<p>Kemerosotan nilai pinjaman kepada pelanggan (sambungan)</p> <p><i>ECL bagi pinjaman kredit terjejas kepada pelanggan</i> Pada 31 Disember 2025, peruntukan bagi pinjaman kredit terjejas kepada pelanggan bagi Kumpulan adalah S\$1,577 juta, sebahagian besar daripadanya berhubung dengan portfolio pinjaman Global Wholesale Banking ("GWB").</p> <p>Kami memberi tumpuan kepada bidang ini disebabkan pelbagai pertimbangan dan andaian amat subjektif yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam menentukan keperluan, dan menganggar jumlah bagi peruntukan ECL terhadap pinjaman kredit terjejas kepada pelanggan. Pertimbangan penting juga diperlukan bagi penggredan kredit peminjam selaras dengan MAS Notice 612.</p> <p>Bagi portfolio pinjaman kredit terjejas GWB, pertimbangan dan andaian penting pihak pengurusan termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengenal pasti pendedahan kredit terjejas; • menganggar prestasi masa hadapan bagi peminjam dan aliran tunai boleh diperolehi semula; dan • menentukan nilai cagaran dan masa realisasi. 	<p><i>ECL bagi pinjaman kredit tidak terjejas kepada pelanggan</i> Kami telah menilai keberkesanan rekaan dan menguji keberkesanan operasi bagi kawalan utama untuk penggredan kredit, pengawasan kredit dan penetapan pihak pengurusan terhadap peruntukan ECL bagi pinjaman kepada pelanggan. Kawalan ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pengawasan dan semakan risiko kredit oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kredit; • semakan dan pengawasan portfolio kredit; • pengawasan dan penilaian cagaran; • pengawasan perjanjian dan pelanggaran kontrak pinjaman; dan • pengelasan pinjaman kepada pelanggan selaras dengan MAS Notice 612. <p>Kami memutuskan bahawa kami boleh bergantung pada kawalan-kawalan ini bagi tujuan audit kami.</p> <p>Kami memilih sampel pendedahan kredit dalam portfolio pinjaman GWB dan menjalankan semakan fail kredit untuk menilai kewajaran penggredan kredit selaras dengan keperluan MAS Notice 612. Dalam proses itu, kami telah juga menimbang penilaian pihak pengurusan mengenai kesan pelbagai peristiwa penting semasa dalam mengenal pasti pendedahan terjejas kredit.</p> <p>Di mana terdapat bukti objektif bagi kemerosotan nilai, kami menilai sama ada peruntukan ECL diambil kira pada waktunya dan menilai jumlah kemerosotan nilai sedemikian. Tugas kami termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • menimbang fakta latar belakang dan keadaan terkini berhubung peminjam; • menilai dan mencabar pelbagai andaian penting pihak pengurusan yang digunakan terhadap jangkaan aliran tunai masa hadapan untuk peminjam, termasuk jumlah dan masa ia diperolehi semula; • membandingkan nilai cagaran boleh direalisasikan berbanding bukti yang diperolehi dari luar termasuk laporan penilaian bebas, di mana ia wujud; dan • menguji pengiraan kemerosotan nilai. <p>Bagi sampel pinjaman kredit tidak terjejas kepada pelanggan yang belum dinyatakan oleh pihak pengurusan sebagai kredit terjejas, kami mencabar pelbagai andaian penting pihak pengurusan berhubung sama ada pengelasan mereka adalah wajar, berdasarkan pemahaman kami terhadap para pelanggan, persekitaran perniagaan dan bukti luaran lain, di mana wujud.</p> <p>Berdasarkan prosedur-prosedur yang dijalankan, kami mendapati bahawa peruntukan ECL bagi pinjaman kredit terjejas kepada pelanggan adalah dalam lingkungan anggaran yang boleh diterima.</p>

Perkara-Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara-Perkara Audit Utama
<p>Penilaian instrumen-instrumen kewangan yang dikira pada nilai saksama – Tahap 2 dan 3 (Rujuk Nota 2.21 dan 40.3 penyata kewangan)</p> <p>Pada 31 Disember 2025, Kumpulan mempunyai aset kewangan S\$90,658 juta dan liabiliti kewangan S\$16,743 juta yang dikira pada nilai saksama, yang dikelaskan sebagai Tahap 2. Ini merupakan 38% daripada aset kewangan dan 88% daripada liabiliti kewangan yang masing-masing dikira pada nilai saksama.</p> <p>Kami menganggap penilaian instrumen kewangan Tahap 2 sebagai perkara audit utama disebabkan kepentingan kewangannya kepada Kumpulan, di samping pertimbangan yang diperlukan berhubung penggunaan pelbagai model, andaian dan input yang sesuai.</p> <p>Kumpulan juga mempunyai aset kewangan S\$7,222 juta dan liabiliti kewangan S\$1,771 juta yang dikira pada nilai saksama dan dikelaskan sebagai Tahap 3. Ini merupakan 3% daripada aset kewangan dan 9% daripada liabiliti kewangan, yang masing-masing dikira pada nilai saksama.</p> <p>Kami menumpukan pada penilaian aset dan liabiliti kewangan Tahap 3, memandangkan pihak pengurusan membuat pelbagai pertimbangan dan andaian penting. Apabila menilai instrumen-instrumen kewangan ini, kerana ia rumit atau tak cair, dan bukti luaran yang menyokong penilaian Kumpulan adalah terhad disebabkan kekurangan pasaran cair.</p>	<p>Kami menilai rekaan dan menguji keberkesanan operasi bagi kawalan utama ke atas pelbagai proses penilaian instrumen kewangan Kumpulan, termasuk kawalan ke atas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • ujian dan kelulusan model penilaian baru oleh pihak pengurusan, termasuk mengesahkan semula model sedia ada; • kesempurnaan dan ketepatan suapan data dan input lain ke dalam model-model penilaian; • pemantauan pertikaian cagarang; dan • mekanisme urus tadbir dan pemantauan ke atas proses penilaian oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Pasaran, termasuk ke atas pelarasan penilaian. <p>Kami memutuskan bahawa kami boleh bergantung pada kawalan-kawalan ini bagi tujuan audit kami.</p> <p>Tambahan lagi, kami menjalankan prosedur berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kami bandingkan penilaian instrumen kewangan oleh Kumpulan dengan anggaran kami sendiri berdasarkan sampel. Ini melibatkan usaha mencari input daripada para penyedia data pasaran atau sumber luar dan menggunakan model-model penilaian kami sendiri untuk instrumen tertentu, dan menyelidik percanggahan ketara pada tahap instrumen; • kami menilai kewajaran metodologi yang digunakan dan andaian penting yang dibuat bagi sampel instrumen kewangan; dan • kami menjalankan prosedur bagi pertikaian cagarang, yang mengambil kira penilaian pihak lawan, untuk mengenal pasti petunjuk yang mungkin wujud terhadap penilaian tidak wajar oleh Kumpulan. <p>Secara keseluruhan, kami menganggap penilaian instrumen kewangan Tahap 2 dan Tahap 3 yang dikira pada nilai saksama adalah dalam lingkungan anggaran yang boleh diterima.</p>

Perkara-Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara-Perkara Audit Utama
<p>Kemerosotan nilai muhibah (Rujuk Nota 2.21 dan 36 penyata kewangan)</p> <p>Kumpulan mempunyai jumlah muhibah yang besar akibat daripada pemerolehan perniagaannya. Sehingga pada 31 Disember 2025, jumlah muhibah yang dibawa di kunci kira-kira Kumpulan berjumlah S\$4,344 juta.</p> <p>Dalam menjalankan penilaian kemerosotan nilai bagi jumlah muhibah yang dibawa, pertimbangan penting dibuat oleh pihak pengurusan dalam menganggarkan jumlah unit penjanaan tunai ("CGUs") berkaitan yang boleh diperolehi semula.</p> <p>Bagi CGUs Perbankan, ini melibatkan anggaran aliran tunai terdiskaun, di mana andaian penting yang digunakan dalam penilaian termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • ramalan aliran tunai masa hadapan; • input untuk menentukan kadar diskaun terlaras risiko; dan • kadar pertumbuhan berterusan. <p>Bagi CGU Insurans, Kumpulan menggunakan teknik nilai taksiran, yang terdiri daripada nilai terbenam bagi perniagaan berkuat kuasa dan nilai anggaran keuntungan boleh agih yang diunjurkan daripada pelbagai perniagaan baru. Andaian penting yang digunakan dalam penilaian ini termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • pulangan pelaburan berdasarkan gabungan aset strategik jangka panjang dan jangkaan pulangan masa hadapan; dan • kadar diskaun terlaras risiko. <p>Memandangkan tahap kerumitan dan takat pertimbangan yang wujud, kami menganggap ini sebagai perkara audit utama.</p>	<p>Kami menilai kewajaran penetapan CGUs Kumpulan oleh pihak pengurusan dan metodologi yang digunakan dalam anggaran jumlah yang boleh diperolehi semula. Kami juga menilai andaian penting yang digunakan dan menggunakan analisis kepekaan terhadap andaian penting untuk menentukan sama ada sebarang perubahan yang mungkin berlaku dalam andaian penting ini akan mengakibatkan kemerosotan nilai.</p> <p><i>CGUs Perbankan</i> Kami menilai yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • unjuran aliran tunai oleh pihak pengurusan dengan membandingkan ramalan sebelum ini dengan hasil sebenar; • metodologi dan sumber data luaran yang digunakan untuk memperoleh kadar diskaun dan kadar pertumbuhan; dan • andaian kadar pertumbuhan berbanding prestasi sejarah Kumpulan dan petunjuk industri luar dan ekonomi yang tersedia. <p><i>CGU Insurans</i> Kami menilai yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • metodologi dalam menganggarkan nilai taksiran; dan • andaian penting termasuk pulangan pelaburan dan kadar diskaun terlaras risiko yang digunakan dalam memperoleh nilai taksiran. <p>Kami mendapati andaian penting dan anggaran yang dibuat oleh pihak pengurusan adalah wajar berdasarkan prosedur audit yang kami jalankan.</p>

Perkara-Perkara Audit Utama	Bagaimana Audit Kami Menangani Perkara-Perkara Audit Utama
<p>Penilaian liabiliti kontrak insurans bagi dana insurans hayat (Rujuk Nota 2.21, 22 dan 38.4 penyata kewangan)</p> <p>Operasi insurans Kumpulan telah dijalankan melalui Great Eastern Holdings Limited dan syarikat-syarikat subsidiarinya ("Kumpulan GEH").</p> <p>Liabiliti kontrak insurans di bawah SFRS(I) 17 diukur sebagai jumlah kesemua aliran tunai dan margin perkhidmatan kontrak ("CSM"), yang penentuannya memerlukan pertimbangan dan tafsiran. Ini termasuk pemilihan dasar perakaunan dan penggunaan metodologi rumit yang digunakan dalam model aktuari. Pemilihan dan penggunaan metodologi yang sesuai memerlukan pertimbangan profesional. Ia juga memerlukan penentuan andaian yang melibatkan ketidakpastian anggaran.</p> <p>CSM mewakili keuntungan belum diraih yang akan diambil kira oleh Kumpulan kerana ia menyediakan perkhidmatan kontrak insurans pada masa depan. Pengeluaran CSM bagi sekumpulan kontrak dikira sebagai hasil insurans dalam penyata pendapatan Kumpulan berdasarkan bilangan unit perlindungan yang disediakan dalam tempoh tersebut. Unit perlindungan pula ditentukan oleh kuantiti faedah yang disediakan di bawah kontrak dan jangkaan tempoh perlindungannya. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan dalam mengenal pasti perkhidmatan yang disediakan dan menentukan unit perlindungan.</p>	<p>Kami menjalankan prosedur berikut untuk menangani perkara ini:</p> <ul style="list-style-type: none"> • kami menilai pematuhan dasar perakaunan yang digunakan oleh pihak pengurusan dengan keperluan dalam SFRS(I) 17; • kami memahami proses pemilihan dasar perakaunan, penentuan metodologi dan andaian, serta penyelarasan data yang digunakan dalam menentukan liabiliti kontrak insurans; • kami menguji rekaan dan keberkesanan operasi terhadap kawalan ke atas ketepatan dan kelengkapan data yang digunakan; • kami menilai kesesuaian metodologi yang digunakan dalam menentukan liabiliti kontrak insurans yang merangkumi aliran tunai pemenuhan dan CSM, serta penggunaannya dalam model aktuari; • kami menilai kewajaran andaian penting yang digunakan oleh pihak pengurusan dengan membandingkan pengalaman sejarah Kumpulan GEH dan data pasaran yang dapat dilihat, jika berkenaan; • kami menilai kesesuaian usaha mengenal pasti oleh pihak pengurusan terhadap perkhidmatan yang disediakan dengan menyemak terma dan ciri kontrak insurans yang dikeluarkan berdasarkan sampel; • kami menilai kesesuaian penentuan oleh pihak pengurusan bagi unit perlindungan terhadap jenis perkhidmatan yang dikenal pasti; dan • kami menyemak kewajaran analisis pergerakan liabiliti kontrak insurans yang disediakan oleh pihak pengurusan. Analisis pergerakan menyediakan penyelarasan bagi baki pada 31 Disember 2024 hingga 31 Disember 2025, menunjukkan pemacu utama perubahan pada tahun tersebut. <p>Berdasarkan pada tugas yang dijalankan dan bukti yang diperolehi, kami mendapati metodologi dan andaian penting yang digunakan oleh pihak pengurusan adalah wajar.</p>

Maklumat Lain

Pihak pengurusan bertanggungjawab atas maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Penyata Pengarah (namun tidak termasuk penyata-penyata kewangan dan laporan juruaudit kami mengenainya), yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, dan bahagian lain laporan tahunan ("Bahagian Lain"), yang dijangka disediakan kepada kami selepas tarikh tersebut.

Pendapat kami tentang penyata-penyata kewangan tersebut tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak dan tidak akan memberikan sebarang bentuk jaminan muktamad mengenainya.

Berhubung dengan audit kami ke atas penyata-penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain yang dikenal pasti di atas dan, dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain itu tidak konsisten secara ketara dengan penyata-penyata kewangan atau pengetahuan kami yang diperolehi semasa audit atau memaparkan salah nyata material.

Jika, berdasarkan pada tugas yang kami lakukan ke atas maklumat lain yang kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material daripada maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan mengenai perkara ini.

Apabila kami membaca Bahagian Lain, jika kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material, kami dikehendaki memaklumkan perkara tersebut kepada para pengarah dan mengambil langkah sewajarnya, selaras dengan SSAs.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Pengarah bagi Penyata Kewangan

Pihak pengurusan bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut peruntukan Akta dan SFRS(I) dan bagi menghasilkan dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa aset-aset telah dilindungi daripada kehilangan akibat penggunaan atau pelupusan tanpa kebenaran; dan urus niaga telah mendapat kebenaran dan ini direkodkan sebagai satu keperluan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama dan untuk mengekalkan kebertanggungjawaban aset.

Dalam menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi menilai keupayaan Kumpulan untuk meneruskan usaha berterusan, mendedahkan, jika berkenaan, perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pihak pengurusan bercadang membubarkan Kumpulan atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk menyelia proses pelaporan kewangan Kumpulan.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata-Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata-penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang meliputi pendapat kami. Jaminan yang munasabah merupakan tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan selaras dengan SSAs akan sentiasa dapat mengesan salah nyata material jika ianya wujud. Salah nyata boleh terbit daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau secara agregat, boleh secara munasabah dijangka dapat mempengaruhi keputusan ekonomi para pengguna yang dibuat berdasarkan penyata-penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang selaras dengan SSA, kami menjalankan penilaian profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit tersebut. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata material bagi penyata-penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan menjalankan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas bagi pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan salah nyata material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang diakibatkan oleh kesilapan, oleh sebab penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, salah nyata atau menghapuskan kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang relevan kepada audit untuk merancang prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bagi tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan tentang kesesuaian pihak pengurusan menggunakan dasar perakaunan usaha berterusan dan berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian yang material wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin meninggalkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan untuk terus menjadi usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian yang material wujud, kami perlu memberi perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan berkaitan dalam penyata-penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami harus mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan mungkin menyebabkan Kumpulan tidak lagi meneruskan usaha berterusan.
- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata-penyata kewangan mewakili urusan niaga dan peristiwa tersirat dalam cara yang memberi pendapat yang saksama.
- Merancang dan melaksanakan audit berkumpulan bagi mendapatkan bukti audit yang bersesuaian secukupnya mengenai maklumat kewangan ke atas entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat mengenai penyata-penyata kewangan disatukan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan prestasi audit Kumpulan. Kami bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat audit kami.

Kami menyampaikan kepada para pengarah mengenai, antara lain, skop dan masa audit yang dirancang dan hasil audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Kami juga memberikan kepada para pengarah penyata yang menyatakan kami telah mematuhi syarat-syarat etika yang berkaitan yang berkaitan mengenai kebebasan, dan menyampaikan kepada mereka tentang semua hubungan dan perkara-perkara lain yang mungkin difikirkan secara munasabah yang boleh dianggap mempengaruhi kebebasan kami, dan jika berkenaan, tindakan akan diambil untuk menghapuskan ancaman atau perlindungan berkaitan.

Berdasarkan kepada perkara yang telah disampaikan kepada para pengarah, kami menentukan perkara-perkara yang paling penting dalam pengauditan penyata-penyata kewangan bagi tempoh semasa dan oleh itu, berkenaan dengan perkara audit utama. Kami menerangkan perkara-perkara ini dalam laporan juruaudit kami melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam mengenai perkara tersebut atau apabila, dalam keadaan yang sangat jarang sekali berlaku, kami menentukan bahawa sesuatu perkara tidak harus dikomunikasikan dalam laporan kami kerana akibat buruk apabila melakukan sedemikian akan secara munasabahnya dijangka melebihi faedah kepentingan awam bagi komunikasi seumpama itu.

Laporan Mengenai Keperluan Undang-Undang dan Kawal Selia Yang Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang wajib disimpan di bawah Akta oleh Bank dan oleh syarikat-syarikat subsidiari yang diperbadankan di Singapura yang mana kami menjadi juruauditnya, telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Rakan kongsi tugas yang dilantik untuk menghasilkan laporan juruaudit bebas ini ialah Ho Hean Chan.

PricewaterhouseCoopers LLP

Akauntan Awam dan Akauntan Bertauliah
Singapura, 24 Februari 2026

Penyata Pendapatan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Dalam \$ juta	KUMPULAN		BANK	
	2025	2024	2025	2024
Pendapatan faedah	20,076	22,444	14,558	16,532
Perbelanjaan faedah	(10,926)	(12,689)	(9,038)	(10,402)
Pendapatan faedah bersih	9,150	9,755	5,520	6,130
Hasil khidmat insurance daripada insuran hayat ⁽¹⁾	927	592	–	–
Pendapatan (perbelanjaan) pelaburan bersih daripada insurans hayat	7,365	6,124	–	–
Hasil kewangan insurans bersih daripada insurans hayat	(7,237)	(5,811)	–	–
Hasil khidmat insurans daripada insurans am	14	12	–	–
Yuran-yuran dan komisyen-komisyen (bersih)	2,411	1,970	1,160	943
Dividen daripada syarikat subsidiary dan syarikat bersekutu	–	–	1,753	1,668
Pendapatan dagangan bersih	1,684	1,537	720	739
Pendapatan lain	300	294	134	1,171
Pendapatan bukan faedah	5,464	4,718	3,767	4,521
Jumlah pendapatan	14,614	14,473	9,287	10,651
Kos kakitangan	(3,907)	(3,837)	(1,433)	(1,448)
Perbelanjaan operasi lain	(1,975)	(1,905)	(1,514)	(1,532)
Jumlah perbelanjaan operasi	(5,882)	(5,742)	(2,947)	(2,980)
Keuntungan operasi sebelum peruntukan dan perlunasan	8,732	8,731	6,340	7,671
Pelunasan aset-aset tidak ketara	(21)	(59)	–	–
Peruntukan bagi pinjaman dan aset lain	(665)	(690)	(428)	(191)
Keuntungan operasi selepas peruntukan dan pelunasan	8,046	7,982	5,912	7,480
Bahagian hasil syarikat-syarikat bersekutu, bersih dari cukai	1,077	994	–	–
Keuntungan sebelum cukai pendapatan	9,123	8,976	5,912	7,480
Perbelanjaan cukai pendapatan	(1,563)	(1,228)	(813)	(619)
Keuntungan bagi tahun	7,560	7,748	5,099	6,861
Boleh diagih kepada:				
Para pemegang ekuiti bank	7,422	7,587	5,099	6,861
Kepentingan tidak dikawal	138	161	–	–
	7,560	7,748	5,099	6,861
Pendapatan sesaham (\$)				
Asas	1.63	1.67		
Dicairkan	1.63	1.67		

⁽¹⁾ Termasuk pendapatan insurans sebanyak \$6,466 juta (2024: \$6,180 juta) dan perbelanjaan khidmat insurans sebanyak \$5,634 juta (2024: \$5,701 juta).

Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Dalam \$ juta	KUMPULAN		BANK	
	2025	2024	2025	2024
Keuntungan bagi tahun	7,560	7,748	5,099	6,861
Pendapatan Komprehensif lain:				
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kemudiannya kepada penyata pendapatan:				
Aset-aset kewangan pada FVOCI ⁽¹⁾				
Keuntungan nilai saksama bagi tahun	788	344	259	245
Pengelasan semula bagi (keuntungan)/kerugian kepada penyata kewangan				
– atas pelupusan	(71)	(12)	6	(14)
– atas rosot nilai	(3)	(4)	(4)	5
Cukai atas pergerakan bersih	(95)	(21)	(14)	(4)
Lindung nilai aliran tunai dan lain-lain	(91)	70	(90)	94
Hasil Kewangan insurans bersih	(193)	(77)	–	–
Penterjemahan mata wang ke atas operasi asing (Kerugian)/pendapatan komprehensif lain dari syarikat-syarikat bersekutu	(335)	388	–	–
Perkara-perkara yang mungkin tidak akan dikiasifikasikan semula kemudiannya kepada penyata pendapatan:				
Penterjemahan mata wang ke atas operasi asing boleh diagih kepada kepentingan tidak dikawal	(44)	(2)	–	–
Instrumen ekuiti pada FVOCI, ⁽²⁾ perubahan bersih dalam nilai saksama	171	172	(#)	(9)
Pengukuran semula plan manfaat yang ditentukan	2	#	(#)	#
Kredit sendiri	(#)	(1)	(#)	(#)
Jumlah pendapatan komprehensif lain, bersih dari cukai	(295)	1,191	101	265
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun, bersih dari cukai	7,265	8,939	5,200	7,126
Jumlah pendapatan komprehensif boleh agih kepada:				
Para pemegang ekuiti Bank	7,150	8,763		
Kepentingan tidak dikawal	115	176		
	7,265	8,939		

(1) Nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain.

(2) # mewakili jumlah kurang daripada \$0.5 juta.

Kunci Kira-kira

Pada 31 Disember 2025

Dalam \$ juta	KUMPULAN		BANK	
	31 Disember 2025	31 Disember 2024	31 Disember 2025	31 Disember 2024
EKUITI				
Boleh diagih kepada pemegang ekuiti bank				
Modal saham	17,887	18,096	17,887	18,096
Instrumen ekuiti lain	1,698	1,698	1,698	1,698
Rizab modal	765	830	528	534
Rizab nilai saksama	749	313	20	(225)
Rizab hasil	40,669	38,379	22,407	21,929
	61,768	59,316	42,540	42,032
Instrumen ekuiti lain yang diterbitkan oleh syarikat subsidiari	676	–	–	–
Kepentingan tidak dikawal	1,126	1,064	–	–
Jumlah Ekuiti	63,570	60,380	42,540	42,032
LIABILITI				
Deposit pelanggan bukan bank	428,286	390,687	288,283	253,175
Deposit dan baki dengan bank	15,280	11,565	12,526	8,951
Hutang kepada syarikat-syarikat subsidiari	–	–	42,735	46,602
Hutang kepada syarikat-syarikat bersekutu	283	324	209	232
Liabiliti portfolio dagangan	197	281	197	222
Derivatif belum bayar	14,078	16,238	12,636	12,855
Liabiliti-liabiliti lain	12,004	9,370	5,187	3,982
Cukai semasa belum bayar	1,118	879	766	560
Liabiliti cukai tertunda	991	841	165	138
Hutang diterbitkan	30,482	31,553	28,960	30,321
	502,719	461,738	391,664	357,038
Liabiliti kontrak insurans dan liabiliti lain untuk dana insurans hayat	109,399	102,932	–	–
Jumlah Liabiliti	612,118	564,670	391,664	357,038
Jumlah Ekuiti dan liabiliti	675,688	625,050	434,204	399,070
ASET				
Tunai dan penempatan dengan bank-bank pusat	30,756	34,599	27,095	30,525
Bil perbendaharaan dan sekuriti pemerintah Singapura	21,506	14,316	20,451	13,182
Bil perbendaharaan dan sekuriti pemerintah yang lain	44,898	30,369	22,681	11,196
Penempatandengan dan pinjaman kepada bank-bank	37,942	42,407	25,548	32,174
Pinjaman kepada pelanggan	336,692	315,096	245,802	227,598
Sekuriti hutang dan ekuiti	53,267	43,413	33,093	26,311
Derivatif belum terima	13,035	17,203	11,640	13,582
Aset-aset lain	9,622	7,761	4,379	3,784
Aset-aset cukai tertunda	489	538	239	175
Syarikat-syarikat bersekutu	8,799	8,153	2,199	2,234
Syarikat-syarikat subsidiari	–	–	37,795	35,471
Hartanah, loji dan peralatan	4,041	3,725	1,360	914
Hartanah pelaburan	672	675	55	57
Nilai muhibah dan aset tidak ketara lain	4,360	4,504	1,867	1,867
	566,079	522,759	434,204	399,070
Sekuriti pelaburan dan dana insurans hayat	100,151	94,452	–	–
Aset lain bagi dana insurans hayat	9,458	7,839	–	–
Jumlah aset	675,688	625,050	434,204	399,070

Penyata Perubahan dalam Ekuiti – Kumpulan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Diagihkan kepada para pemegang ekuiti Bank

Dalam \$ juta	Modal saham dan ekuiti lain	Rizab modal ⁽¹⁾	Rizab nilai saksama	Rizab hasil	Jumlah	Instrumen ekuiti lain yang diterbitkan oleh syarikat subsidiari	Kepentingan tidak dikawal	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2025	19,794	830	313	38,379	59,316	–	1,064	60,380
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun								
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	7,422	7,422	–	138	7,560
Pendapatan komprehensif lain								
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kemudiannya kepada penyata pendapatan:								
Aset-aset kewangan, pada FVOCI								
Keuntungan nilai saksama bagi tahun	–	–	756	–	756	–	32	788
Pengelasan semula keuntungan kepada penyata pendapatan								
– atas pelupusan	–	–	(67)	–	(67)	–	(4)	(71)
– atas rosot nilai	–	–	(3)	–	(3)	–	(#)	(3)
Cukai atas pergerakan bersih	–	–	(89)	–	(89)	–	(6)	(95)
Lindung nilai aliran tunai dan lain-lain	–	–	–	(91)	(91)	–	–	(91)
Hasil kewangan insurans berih	–	–	–	(181)	(181)	–	(12)	(193)
Terjemahan mata wang pada anak syarikat asing dan cawangan luar negara	–	–	–	(424)	(424)	–	–	(424)
Kerugian komprehensiflain lain dari syarikat-syarikat bersekutu	–	–	(230)	(105)	(335)	–	–	(335)
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan semula kemudiannya kepada penyata pendapatan:								
Penterjemahan matawang ke atas operasi asing boleh diagih kepada kepentingan tidak dikawal	–	–	–	–	–	–	(44)	(44)
Instrumen ekuiti, pada FVOCI, perubahan bersih dalam nilai saksama	–	–	69	91	160	–	11	171
Pengukuran semula atas pelan manfaat ditentukan	–	–	–	2	2	–	#	2
Kredit sendiri	–	–	–	(#)	(#)	–	–	(#)
Jumlah pendapatan komprehensif lain, bersih dari cukai	–	–	436	(708)	(272)	–	(23)	(295)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	–	–	436	6,714	7,150	–	115	7,265
Urusniaga dengan para pemilik, terus tercatat dalam ekuiti								
Sumbanagn oleh dan pengagihan kepada para pemilik								
Pindahan	12	(82)	–	70	–	–	–	–
Pembelian balik saham yang dipegang sebagai saham perbendaharaan	(220)	–	–	–	(220)	–	–	(220)
Pembatalan saham	(225)	–	–	–	(225)	–	–	(225)
Dividend dan pengagihan	–	–	–	(4,492)	(4,492)	–	(53)	(4,545)
Rizab DSP daripada dividen atas saham tidak diberi hak	–	–	–	(2)	(2)	–	–	(2)
Sekuriti modal berterusan yang diterbitkan	–	–	–	–	–	676	–	676
Bayaran berasaskan saham bagi kos kakitangan	–	6	–	–	6	–	–	6
Saham diterbitkan untuk pengarah-pengarah bukan eksekutif	1	–	–	–	1	–	–	1
Saham dipindahkan kepada amanah DSP	–	(18)	–	–	(18)	–	–	(18)
Saham diberi hak di bawah skim DSP	–	132	–	–	132	–	–	132
Saham perbendaharaan dipindah/dijual	223	(103)	–	–	120	–	–	120
Jumlah sumbangan oleh dan pengagihan Kepada para pemilik	(209)	(65)	–	(4,424)	(4,698)	676	(53)	(4,075)
Pada 31 Disember 2025	19,585	765	749	40,669	61,768	676	1,126	63,570
Termasuk dalam baki:								
Bahagian rizab syarikat-syarikat bersekutu	–	–	369	5,455	5,824	–	–	5,824

(1) Termasuk rizab peruntukan kerugian kawal selia sebanyak \$455 juta pada at 1 Januari 2025 and \$445 juta pada 31 Disember 2025.

(2) # mewakili jumlah kurang \$0.5 juta.

Diagihkan kepada para pemegang ekuiti Bank

Dalam \$ juta	Modal saham dan ekuiti lain	Rizab modal ⁽¹⁾	Rizab nilai saksama	Rizab hasil	Jumlah	Instrumen ekuiti lain yang diterbitkan oleh syarikat subsidiari	Kepentingan tidak dikawal	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2024	19,293	815	(439)	34,501	54,170	–	1,384	55,554
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun								
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	7,587	7,587	–	161	7,748
Pendapatan komprehensif lain								
Perkara-perkara yang mungkin diklasifikasikan semula kemudiannya kepada penyata pendapatan:								
Aset-aset kewangan, pada FVOCI								
Keuntungan/(kerugian) nilai saksama bagi tahun	–	–	351	–	351	–	(7)	344
Pengelasan semula bagi (keuntungan)/kerugian kepada penyata pendapatan								
– atas pelupusan	–	–	(17)	–	(17)	–	5	(12)
– atas rosot nilai	–	–	(3)	–	(3)	–	(1)	(4)
Cukai atas pergerakan bersih	–	–	(22)	–	(22)	–	1	(21)
Lindung nilai aliran tunai dan lain-lain	–	–	–	70	70	–	–	70
Hasil kewangan insurans bersih	–	–	–	(74)	(74)	–	(3)	(77)
Penterjemahan matawang ke atas operasi asing	–	–	–	334	334	–	–	334
Pendapatan komprehensif lain dari Syarikat-syarikat bersekutu	–	–	365	23	388	–	–	388
Perkara-perkara yang tidak akan diklasifikasikan semula kemudiannya kepada penyata pendapatan:								
Penterjemahan mata wang ke atas operasi asing boleh diagih kepada kepentingan tidak dikawal	–	–	–	–	–	–	(2)	(2)
Instrumen ekuiti, pada FVOCI, perubahan bersih dalam nilai saksama	–	–	78	72	150	–	22	172
Pengukuran semula atas pelan manfaat ditentukan	–	–	–	#	#	–	#	#
Kredit sendiri	–	–	–	(1)	(1)	–	–	(1)
Jumlah pendapatan komprehensif lain, bersih dari cukai	–	–	752	424	1,176	–	15	1,191
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	–	–	752	8,011	8,763	–	176	8,939
Urusniaga dengan para pemilik, terus tercatat dalam ekuiti								
Sumbangan oleh dan pengagihan kepada para pemilik								
Pindahan	16	(6)	–	(10)	–	–	–	–
Pembelian balik saham yang dipegang sebagai saham perbendaharaan	(194)	–	–	–	(194)	–	–	(194)
Dividen dan pengagihan	–	–	–	(3,933)	(3,933)	–	(54)	(3,987)
Rizab DSP daripada dividen atas saham tidak diberi hak	–	–	–	11	11	–	–	11
Sekuriti modal berterusan yang diterbitkan	450	–	–	–	450	–	–	450
Bayaran berasaskan saham bagi kos kakitangan	–	6	–	–	6	–	–	6
Saham diterbitkan untuk pengarah-pengarah bukan ekecutif	1	–	–	–	1	–	–	1
Saham dipindahkan kepada Amanah DSP	–	(16)	–	–	(16)	–	–	(16)
Saham diberi hak di bawah skim DSP	–	107	–	–	107	–	–	107
Saham perbendaharaan dipindah/dijual	228	(76)	–	–	152	–	–	152
Jumlah sumbangan oleh dan pengagihan Kepada para pemilik	501	15	–	(3,932)	(3,416)	–	(54)	(3,470)
Perubahan dalam kepentingan tidak dikawal	–	–	–	(201)	(201)	–	(442)	(643)
Pada 31 Disember 2024	19,794	830	313	38,379	59,316	–	1,064	60,380
Termasuk dalam baki:								
Bahagian rizab syarikat-syarikat bersekutu	–	–	600	4,789	5,389	–	–	5,389

(1) Termasuk rizab peruntukan kerugian kawal selia sebanyak \$455 juta pada 1 Januari 2024 dan 31 Disember 2024.

(2) # mewakili jumlah kurang daripada \$0.5 juta.

Penyata Perubahan dalam Ekuiti – Bank

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Dalam \$ juta	Modal saham dan ekuiti lain	Rizab modal ⁽¹⁾	Rizab nilai saksama	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2025	19,794	534	(225)	21,929	42,032
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	5,099	5,099
Pendapatan (rugi) komprehensif lain	–	–	245	(144)	101
Jumlah keuntungan komprehensif bagi tahun⁽²⁾	–	–	245	4,955	5,200
Pindahan	12	(12)	–	–	–
Pembelian balik saham untuk pegang sebagai saham dipegang	(220)	–	–	–	(220)
Pembatalan saham	(225)	–	–	–	(225)
Dividend dan pengagihan	–	–	–	(4,475)	(4,475)
Rizab DSP daripada dividen ke atas saham yang tidak diletak hak	–	–	–	(2)	(2)
Bayaran berasaskan saham bagi kos kakitangan	–	6	–	–	6
Saham diterbitkan untuk pengarah-pengarah bukan eksekutif	1	–	–	–	1
Saham perbendaharaan dipindah/dijual	223	–	–	–	223
Pada 31 Disember 2025	19,585	528	20	22,407	42,540
Pada 1 Januari 2024	19,293	544	(435)	18,935	38,337
Keuntungan bagi tahun	–	–	–	6,861	6,861
Pendapatan komprehensif lain	–	–	210	55	265
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun⁽²⁾	–	–	210	6,916	7,126
Pindahan	16	(16)	–	–	–
Pembelian balik saham untuk pegang sebagai saham dipegang	(194)	–	–	–	(194)
Dividen dan pengagihan	–	–	–	(3,933)	(3,933)
Rizab DSP daripada dividen ke atas saham yang tidak diletak hak	–	–	–	11	11
Sekuriti modal kekal yang diterbitkan	450	–	–	–	450
Bayaran berasaskan saham bagi kos kakitangan	–	6	–	–	6
Saham diterbitkan untuk pengarah-pengarah bukan eksekutif	1	–	–	–	1
Saham perbendaharaan yang dipindah/dijual	228	–	–	–	228
Pada 31 Disember 2024	19,794	534	(225)	21,929	42,032

(1) Termasuk rizab peruntukan kerugian kawal selia sebanyak \$444 juta pada 1 Januari 2025, 1 Januari 2024, 31 Disember 2025 and 31 Disember 2024.

(2) Rujuk Penyata Pendapatan Komprehensif untuk pecahan terperinci.

Penyata Aliran Tunai Disatukan

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025

Dalam \$ juta	2025	2024
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti operasi		
Keuntungan sebelum cukai pendapatan	9,123	8,976
Pelarasannya bagi perkara-perkara bukan tunai:		
Peruntukan bagi pinjaman dan aset-aset lain	665	690
Pelunasan aset-aset tidak ketara	21	59
Perubahan dalam urusniaga lindung nilai, nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian sekuriti dan hutang yang diterbitkan	377	356
Susut nilai hartanah dan peralatan dan perbelanjaan faedah atas liabiliti pajakan (Keuntungan)/kerugian bersih atas pelupusan kepentingan dalam syarikat bersekutu/subsidiari	551	463
Keuntungan bersih atas pelupusan sekuriti pemerintah, sekuriti hutang dan sekuriti ekuiti	(63)	#
Keuntungan bersih atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(58)	(24)
Keuntungan bersih atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(18)	(36)
Kos berasaskan saham	62	62
Bahagian hasil syarikat-syarikat bersekutu, bersih dari cukai	(1,077)	(994)
Lain-lain	-	(72)
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	9,583	9,480
Perubahan dalam aset dan liabiliti operasi:		
Deposit dari pelanggan bukan bank	37,565	26,052
Deposit dan baki bank	3,716	679
Derivatif belum bayar dan liabiliti-liabiliti lain	(571)	3,482
Liabiliti-liabiliti portfolio dagangan	(84)	87
Baki terhadap bank pusat	(439)	(354)
Sekuriti-sekuriti pemerintah dan bil-bil perbendaharaan	(21,411)	1,188
Nilai saksama melalui keuntungan dan kerugian sekuriti	(4,840)	(3,195)
Penempatan dengan dan pinjaman kepada bank-bank	4,465	(4,246)
Pinjaman kepada para pelanggan	(22,082)	(22,330)
Derivatif belum terima dan aset-aset lain	2,616	(3,969)
Perubahan bersih dalam aset-aset dan liabiliti-liabiliti lain bagi dana insurans hayat	2,087	(1,321)
Tunai disediakan oleh aktiviti-aktiviti operasi	10,605	5,553
Cukai pendapatan dibayar ⁽¹⁾	(1,480)	(1,589)
Tunai bersih disediakan oleh aktiviti-aktiviti operasi	9,125	3,964
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pelaburan		
Aliran keluar tunai bersih dari pemerolehan syarikat susidiari	-	(31)
Dividen dari syarikat-syarikat bersekutu	294	158
Pembelian sekuriti hutang dan sekuriti ekuiti	(41,960)	(34,021)
Pembelian sekuriti pelaburan dana insurans hayat	(60,728)	(45,566)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(983)	(614)
Hasil daripada pelupusan sekuriti hutang dan sekuriti ekuiti	36,193	30,750
Hasil daripada pelupusan kepentingan dalam syarikat bersekutu	115	#
Hasil daripada pelupusan sekuriti pelaburan dana insurans hayat	58,728	44,948
Hasil daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	45	44
Tunai bersih disediakan oleh aktiviti-aktiviti pelaburan	(8,296)	(4,332)
Aliran tunai daripada aktiviti-aktiviti pembiayaan		
Perubahan dalam kepentingan tidak dikawal	-	(643)
Pembelian balik/pembatalan saham yang dipegang sebagai saham perbendaharaan	(445)	(194)
Dividend dan pengagihan yang dibayar	(4,545)	(3,987)
Penerbitan (penebusan) bersih bagi penerbitan hutang lain	(558)	4,557
Hasil bersih daripada terbitan sekuriti modal kekal	676	450
Bayaran semula bagi aktiviti pajakan	(43)	(78)
Hasil daripada hutang subordinat yang diterbitkan	1,438	1,165
Penebusan sekuriti modal yang diterbitkan	(1,284)	(1,352)
Hasil daripada saham perbendaharaan yang dipindahkan/dijual di bawah skim saham pekerja	120	152
Tunai bersih disediakan oleh aktiviti-aktiviti pembiayaan	(4,641)	70
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(3,812)	(298)
Pelarasannya penterjemahan mata wang bersih	(469)	257
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	28,829	28,870
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	24,548	28,829

(1) Pada 2025, Kumpulan telah membayar cukai pendapatan sebanyak \$1,480 juta (2024: \$1,589 juta), di mana \$709 juta (2024: \$786 juta) dibayar di Singapura dan \$771 juta (2024: \$803 juta) di bidang kuasa lain.

(2) # mewakili jumlah kurang daripada \$0.5 juta.

Dividen/Pengagihan

\$ juta	2025	2024
Dividen biasa:		
Dividen terakhir dikecualikan cukai sebanyak 41 sen yang dibayar bagi tahun kewangan sebelumnya (2024: dividen dikecualikan cukai sebanyak 42 sen)	1,844	1,891
Dividen interim dikecualikan cukai sebanyak 41 sen yang dibayar bagi tahun kewangan semasa (2024: dividen dikecualikan cukai sebanyak 44 sen)	1,843	1,978
Dividen khas dikecualikan cukai sebanyak 16 sen yang dibayar untuk tahun kewangan sebelumnya (2024: tiada)	720	–
Pengagihan bagi instrument ekuiti lain:		
3.0% sekuriti modal kekal	6	6
3.9% sekuriti modal kekal	20	20
4.5% sekuriti modal kekal	25	25
4.05% sekuriti modal kekal	18	13
5.398% sekuriti modal kekal diterbitkan oleh syarikat subsidiari	16	–
	4,492	3,933

Dividen terakhir dikecualikan cukai sebanyak 42 sen bagi setiap saham biasa dan dividen khas sebanyak 16 sen bagi setiap saham biasa berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 sebanyak \$2,604 juta telah diluluskan oleh para pemegang saham di mesyuarat agung tahunan Bank.

Nisbah Kecukupan Modal Kumpulan

Kumpulan tertakluk kepada piawaian kecukupan Modal Basel III sebagaimana yang ditetapkan dalam MAS Notice 637.

\$ juta	2025	2024
Modal Ekuiti biasa Tahap 1	41,938	40,388
Modal Tambahan Tahap 1	1,738	1,736
Modal Tahap 1	43,676	42,124
Modal Tahap 2	4,508	4,495
Jumlah modal layak	48,184	46,619
Aset berwajaran risiko	248,845	236,288
Nisbah kecukupan modal		
Ekuiti biasa tahap 1	16.9%	17.1%
Tahap 1	17.6%	17.8%
Jumlah	19.4%	19.7%